

PM: Ajar anak-anak memandangnya najis

Nilai budaya

RM 27 OCT 1989

mencegah dadah

60 muka
bersama
PERSPEKTIF
dan
TELEVIDEO

Oleh **NORMALA RADZI**

KUALA LUMPUR, Sabtu — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini menyarankan supaya nilai-nilai budaya bangsa dihidupkan semula untuk dijadikan benteng menentang dadah.

Ini, tegas Datuk Seri Dr Mahathir, ialah kerana masalah penagihan dadah ada kaitan dengan keruntuhan akhlak dan penolakan agama seperti yang berlaku dalam masyarakat Barat.


Katanya, masalah dadah yang semakin berat sekarang, sedikit sebanyak disebabkan oleh perubahan kebudayaan dan adat resam.

"Dengan menerapkan semula nilai-nilai budaya kita seperti bersopan santun dan menghormati ibu bapa, orang tua dan keluarga kepada generasi muda, boleh menolong membendung merebaknya masalah dadah dalam masyarakat kita.

"Selain itu, kita hendaklah berpegang teguh kepada ajaran agama dan menolak aspek kebudayaan Barat yang boleh menghakis nilai-nilai budaya kita yang murni," tegasnya.

Datuk Seri Dr Mahathir menyarankan demikian ketika merasmikan *Persidangan Kebangsaan Pembabitan Ibu Bapa Dalam Pencegahan Dadah*, anjuran Badan Amal Kebajikan Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) di sini hari ini. Hadir sama ialah Yang Dipertua Bakti, Datin Seri Dr Siti Hasmah.

Tunjuk ajar

 Perdana Menteri, berkata 13,239 penagih dadah mengikuti program rawatan dan pemulihan antara 1983 dan Ogos lalu berbanding hanya 9,142 orang dalam tempoh 1980-1982.

Menurutnya, keadaan ini wujud kerana dahulu, kegiatan anak-anak muda lebih terkawal dengan tunjuk ajar ibu bapa dan mereka hanya terdedah kepada kebudayaan bangsa mereka sendiri.

Ini berbeza dengan keadaan sekarang. Kini anak-anak muda lebih bebas, terdedah kepada pelbagai kebudayaan asing, tidak sebegitu mudah dididik dan lebih mengutamakan pandangan kawan-kawan mereka daripada ibu bapa sendiri.

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan kerajaan bersikap tegas terhadap pengedaran dadah kerana penagih dadah bukan sahaja tidak berguna kepada masyarakat tetapi juga kepada dirinya sendiri.

"Keselematan negara tidak akan terjamin sekiranya anggota tentera atau polis terbabit dengan dadah," katanya.

Malah, katanya, sebahagian besar daripada pendapatan rakyat dan negara habis dibelanjakan untuk membeli dadah.

Dalam hal ini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata ibu bapa boleh memainkan tugas penting menanamkan perasaan benci terhadap dadah di jiwa anak-anak sejak kecil lagi supaya mereka menganggap dadah sebagai najis yang tidak boleh disentuh.